

## KHUTBAH JUMAAT

### “KEISTIMEWAAN AMALAN BULAN MUHARAM” (4 Julai 2025M/ 8 Muharam 1447H)

---

الْحَمْدُ لِلَّهِ، الْحَمْدُ لِلَّهِ عَلَى إِحْسَانِهِ، وَالشُّكْرُ لَهُ عَلَى تَوْفِيقِهِ وَامْتِنَانِهِ.  
وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ تَعْظِيمًا لِحَاقِهِ. وَأَشْهَدُ أَنَّ  
سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ الدَّاعِي إِلَى رِضْوَانِهِ. اَللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ  
عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.  
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ، أُوصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ عَزَّ وَجَلَّ،  
فَهِيَ وَصِيَّةُ اللَّهِ لِلْأَوَّلِينَ وَالْآخِرِينَ.

**Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Marilah kita bersama-sama mempertingkatkan keimanan dan ketaqwaan kepada Allah *subhanahu wata'ala* dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Semoga kita memperoleh kejayaan dan kebahagiaan di dunia dan di akhirat. Pada hari ini khatib akan membicarakan khutbah yang bertajuk '**Keistimewaan Amalan Bulan Muharam**'.

**Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Bulan Muharam merupakan bulan yang pertama dalam Takwim Hijrah. Bulan Muharam juga termasuk dalam empat bulan suci yang dihormati dalam Islam. Firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam surah at-Taubah, ayat 36 :

إِنَّ عِدَّةَ الشُّهُورِ عِنْدَ اللَّهِ اثْنَا عَشَرَ شَهْرًا فِي كِتَابِ اللَّهِ يَوْمَ خَلَقَ  
السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضَ مِنْهَا أَرْبَعَةٌ حُرُمٌ ۚ ذَٰلِكَ الْدِّينُ الْقَيِّمُ ۚ فَلَا تَظْلِمُوا  
فِيهِنَّ أَنْفُسَكُمْ ۚ ...

**Maksudnya:** *Sesungguhnya bilangan bulan-bulan di sisi (hukum) Allah ialah dua belas bulan, (yang telah ditetapkan) dalam Kitab Allah semasa Allah menciptakan langit dan bumi, di antaranya empat bulan yang dihormati. Ketetapan yang demikian itu ialah Agama yang betul lurus, maka janganlah kamu menganiaya diri kamu dalam bulan-bulan yang dihormati itu (dengan melanggar larangan-Nya); ...*

Ayat tersebut menjelaskan bahawa dari sudut pandang agama, tidak semua bulan mempunyai kedudukan yang sama. Dalam Islam, selain daripada bulan Ramadan, terdapat empat bulan lain yang mempunyai kemuliaan tersendiri iaitu Zulkaedah, Zulhijjah, Muharram dan Rejab yang merupakan bulan-bulan haram, iaitu bulan yang dimuliakan. Atas kemuliaan bulan-bulan itulah, Islam menganjurkan umatnya untuk memanfaatkan masa mereka sebagai ikhtiar memperbanyakkan ibadah serta amalan untuk mendekatkan diri kepada Allah *subhanahu wata'ala*.

Rahmat dan kasih sayang Allah *subhanahu wata'ala* kepada kita terlalu luas dan banyak. Antaranya ialah, Allah *subhanahu wata'ala* membuka ruang dan peluang seluas-luasnya untuk kita melakukan ibadah kepada Allah *subhanahu wata'ala* termasuk dalam bulan-bulan tertentu dengan ganjaran pahala yang besar. Betapa luasnya

rahmat Allah *subhanahu wata'ala*, namun betapa sempitnya syukur di hati manusia. Maka, marilah kembali, sebelum terlambat. Imam Ibnu 'Asyur *rahimahullah*, ketika menjelaskan tafsiran ayat 36 daripada Surah at-Taubah dalam kitabnya iaitu *Tafsir at-Tahrir wa at-Tanwir* menyebutkan bahawa keutamaan manusia adalah berasaskan kepada amal-amal soleh dan akhlak mulia yang ada pada diri mereka.

### **Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Terdapat beberapa amalan khusus yang dianjurkan untuk umat Islam melakukannya pada bulan Muharam, antaranya:

**Pertama:** Puasa sunat terutamanya pada hari Asyura'.

Terdapat banyak galakkan daripada hadis sahih terhadap umat Islam untuk berpuasa sunat pada hari Asyura' iaitu 10 Muharam. Antaranya ialah hadis daripada Abu Hurairah *radiallahu anhu* bahawa Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* telah bersabda:

(( أَفْضَلُ الصِّيَامِ بَعْدَ رَمَضَانَ شَهْرُ اللَّهِ الْمُحَرَّمُ. وَأَفْضَلُ الصَّلَاةِ بَعْدَ الْفَرِيضَةِ صَلَاةُ اللَّيْلِ ))

**Maksudnya:** *Puasa yang paling utama (kedudukannya) selepas puasa Ramadan adalah puasa di bulan Allah, iaitu Muharam. Dan solat yang paling utama (kedudukannya) selepas solat fardu ialah solat malam (solat sunat di malam hari).*

*(Hadis riwayat Imam Muslim)*

Sebutan Muharam sebagai “bulan Allah” menunjukkan kemuliaan bulan ini sehingga disunatkan untuk berpuasa khususnya pada hari

‘Asyura` (10 Muharram). Kelebihan berpuasa di hari ‘Asyura` ialah dapat menghapuskan dosa setahun sebelumnya. Daripada Abu Qatadah al-Ansari *radiallahu anhu* bahawa Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* telah ditanya berkaitan dengan puasa pada hari ‘Asyura, maka Baginda *sallallahu alaihi wasallam* telah menjawab dengan sabdanya:

(( يُكْفِّرُ السَّنَةَ الْمَاضِيَةَ ))

**Maksudnya:** ... (*Puasa pada hari Asyura*) menghapuskan dosa setahun yang lalu.

(*Hadis riwayat Imam Muslim*)

Walaupun umat Islam digalakkan untuk berpuasa pada 10 Muharam, akan tetapi kita juga turut digalakkan untuk mengiringinya dengan berpuasa pada sehari sebelum ataupun sehari selepasnya. Ini adalah untuk membezakan kita dengan golongan Yahudi yang hanya berpuasa pada 10 Muharam secara tunggal. Daripada Ibnu Abbas *radiallahu anhuma*, beliau berkata bahawa Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* telah bersabda:

(( صُومُوا يَوْمَ عَاشُورَاءَ وَخَالِفُوا فِيهِ الْيَهُودَ، صُومُوا قَبْلَهُ يَوْمًا أَوْ بَعْدَهُ  
يَوْمًا ))

**Maksudnya:** *Berpuasalah kamu pada hari ‘Asyura dan berbezalalah dengan golongan Yahudi. Berpuasalah (juga) sehari sebelumnya ataupun sehari selepasnya.*

(*Hadis riwayat Imam Ahmad*)

**Kedua:** Mempergiatkan doa.

Antara doa yang boleh dilaksanakan adalah doa akhir dan awal tahun setiap kali tahun baru Hijrah. Walaupun tidak ada dalil khusus bagi amalan ini, namun amalan berdoa itu sendiri sangat dianjurkan dalam Islam dan disukai oleh Allah *subhanahu wata'ala*. Allah *subhanahu wata'ala* juga telah menjadikan doa sebagai ibadah dan sebab untuk meraih apa yang diinginkan. Manakala orang yang sombong takbur daripada berdoa kepada-Nya diancam masuk ke neraka dalam keadaan hina. Allah *subhanahu wata'ala* berfirman dalam surah Ghafir, ayat 60:

وَقَالَ رَبُّكُمُ ادْعُونِي أَسْتَجِبْ لَكُمْ ۚ إِنَّ الَّذِينَ يَسْتَكْبِرُونَ عَنْ عِبَادَتِي  
سَيَدْخُلُونَ جَهَنَّمَ دَاخِرِينَ (٦٠)

**Maksudnya:** *Dan Tuhan kamu berfirman: "Berdoalah kamu kepada-Ku nescaya Aku perkenankan doa permohonan kamu. Sesungguhnya orang yang sombong takbur daripada beribadat dan berdoa kepada-Ku, akan masuk neraka Jahannam dalam keadaan hina.*

**Ketiga:** Memperbanyak sedekah.

Sedekah merupakan amalan yang sangat digalakkan dalam Islam. Sedekah mempunyai manfaatnya yang banyak untuk kita di dunia dan di akhirat kelak. Firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam surah al-Baqarah, ayat 274:

الَّذِينَ يُنْفِقُونَ أَمْوَالَهُمْ بِاللَّيْلِ وَالنَّهَارِ سِرًّا وَعَلَانِيَةً فَلَهُمْ أَجْرُهُمْ عِنْدَ رَبِّهِمْ  
وَلَا خَوْفٌ عَلَيْهِمْ وَلَا هُمْ يَحْزَنُونَ (٢٧٤)

**Maksudnya:** Orang yang membelanjakan (mendermakan) hartanya pada waktu malam dan siang, dengan cara sulit atau terbuka, maka mereka beroleh pahala di sisi Tuhan mereka, dan tidak ada kebimbangan (daripada berlakunya kejadian yang tidak baik) terhadap mereka, serta mereka pula tidak akan berdukacita.

Profesor Dr. Wahbah al-Zuhaili *rahimahullah* dalam kitabnya *at-Tafsir al-Munir* menjelaskan:

“Maksud ‘tidak ada ketakutan baginya di akhirat’ adalah tidak ada ketakutan baginya ketika menghadapi kedahsyatan hari Kiamat. Manakala maksud ‘tidak merasa khuatir dan bersedih’ adalah dia tidak bersedih dan khuatir terhadap keadaan anak-anaknya setelah dia meninggal dunia. Dia juga tidak merasa sedih dan menyesal atas apa yang tidak mampu diperolehinya daripada kehidupan dunia dan keindahannya. Ini kerana dia telah menjumpai apa yang jauh lebih baik daripada semua itu.”

Amalan berbelanja atau melapangkan (menggembirakan) ahli keluarga pada hari Asyura' pula adalah disunatkan menurut kata sepakat keempat-empat mazhab fikah. Daripada Jabir bin Abdillah *radiallahu anhum*a katanya, saya telah mendengar Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* bersabda:

(( مَنْ وَسَّعَ عَلَى نَفْسِهِ وَأَهْلِهِ يَوْمَ عَاشُورَاءَ وَسَّعَ اللَّهُ عَلَيْهِ سَائِرَ سَنَّتِهِ ))

**Maksudnya:** Sesiapa yang meluaskan (melapangkan dalam berbelanja untuk menggembirakan) atas dirinya dan ahli keluarganya pada hari Asyura', maka Allah akan melapangkan rezekinya sepanjang tahun.

(Hadis riwayat Imam Ibnu Abdil Bar dalam kitab al-Istizkar)

**Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Mengakhiri khutbah pada hari ini, beberapa intipati yang boleh kita ambil sebagai pedoman;

**Pertama** : Bulan Zulkaedah, Zulhijjah, Muharram dan Rejab adalah bulan-bulan haram iaitu bulan-bulan yang dimuliakan yang digalakkan untuk membanyakkan amalan padanya.

**Kedua** : Umat Islam digalakkan untuk berpuasa sunat pada hari Asyura' yang mempunyai kelebihan diampunkan dosa selama setahun yang lalu.

**Ketiga** : Umat Islam dianjurkan untuk memperbanyakkan doa dan sedekah terutamanya pada hari Asyura'.

Akhirnya, marilah kita bersama-sama menghayati firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah an-Nahl, ayat 97 :

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ. بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ.  
مَنْ عَمِلَ صَالِحًا مِّنْ ذَكَرٍ أَوْ أُنْثَىٰ وَهُوَ مُؤْمِنٌ فَلَنُحْيِيَنَّهٗ حَيٰوةً طَيِّبَةً ۖ  
وَلَنَجْزِيَنَّهُمْ أَجْرَهُمْ بِأَحْسَنِ مَا كَانُوا يَعْمَلُونَ (٩٧)

**Maksudnya:** Sesiapa yang beramal soleh, dari lelaki atau perempuan, sedang ia beriman, maka sesungguhnya Kami akan menghidupkan dia dengan kehidupan yang baik; dan sesungguhnya kami akan membalas mereka, dengan memberikan pahala yang lebih daripada apa yang mereka telah kerjakan.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ  
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ  
قَوْلِي هَذَا، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ  
وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ  
الرَّحِيمُ.

## KHUTBAH JUMAAT KEDUA

---

الْحَمْدُ لِلَّهِ. الْحَمْدُ لِلَّهِ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمَرَ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

### **Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Marilah kita terus mengimarahkan masjid dan surau dengan menunaikan solat fardu secara berjemaah dan majlis ilmu. Perkukuhkanlah perpaduan ummah dengan rasa hormat dan taat kepada para pemimpin serta kasih sayang sesama masyarakat demi kestabilan, kemakmuran dan keharmonian masyarakat di Sarawak. Pastikan rezeki yang kita perolehi adalah halal lagi baik. Selain itu, kita hendaklah bersungguh-sungguh menghindarkan diri dan ahli keluarga daripada terjebak dengan penyalahgunaan dadah dan perjudian, agar kehidupan kita selamat, bahagia dan sejahtera.

Pada hari yang mulia ini juga, perbanyakkanlah selawat ke atas Nabi Muhammad *sallallahu alaihi wasallam* seperti yang diperintahkan oleh Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah al-Ahzab, ayat 56:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا (٥٦)

**Maksudnya:** *Sesungguhnya Allah dan malaikat-Nya berselawat (memberi segala penghormatan dan kebaikan) kepada Nabi (Muhammad sallallahu alaihi wasallam); wahai orang yang beriman, berselawatlah kamu kepadanya, serta ucapkanlah salam sejahtera dengan penghormatan yang sepenuhnya.*

اَللّٰهُمَّ صَلِّ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلٰى اٰلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ  
عَلٰى سَيِّدِنَا اِبْرَاهِيْمَ وَعَلٰى اٰلِ سَيِّدِنَا اِبْرَاهِيْمَ، وَبَارِكْ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ  
وَعَلٰى اٰلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلٰى سَيِّدِنَا اِبْرَاهِيْمَ وَعَلٰى اٰلِ  
سَيِّدِنَا اِبْرَاهِيْمَ، فِي الْعَالَمِيْنَ، اِنَّكَ حَمِيْدٌ مَّجِيْدٌ.

وَارْضَ اللّٰهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِيْنَ الْمُهَدِّيْنَ، سَادَاتِنَا اَبِي بَكْرٍ وَعُمَرُ  
وَعُثْمَانُ وَعَلِيٌّ، وَعَنِ الصَّحَابَةِ وَالتَّابِعِيْنَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.  
اَللّٰهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِيْنَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْاَحْيَاءِ مِنْهُمْ  
وَالْأَمْوَاتِ. اِنَّكَ سَمِيْعٌ قَرِيْبٌ مُّجِيْبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.

Ya Allah! Bantulah saudara-saudara kami di mana sahaja mereka berada, khususnya di negara Palestin. Kurniakanlah kepada mereka perlindungan, keselamatan, keamanan, keselesaan dan kemenangan dalam menghadapi musuh yang sentiasa mengganggu mereka. Angkatkanlah dan hilangkanlah daripada mereka bala bencana, kesedihan, peperangan dan permusuhan dengan limpah rahmat-Mu, Wahai Tuhan Yang Maha Pemberi Rahmat.

Ya Allah, ampunilah dosa-dosa dan kesalahan kami, ibu bapa kami, ahli keluarga dan guru-guru kami. Limpahkanlah kesejahteraan, kedamaian dan kebahagiaan kepada kami semua dalam kehidupan di dunia dan di akhirat.

Ya Allah, Ya Rahman, Ya Rahim! Berikanlah taufiq dan hidayat-Mu kepada kami semua dan juga kepada pemimpin-pemimpin Negara kami, khasnya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Malaysia, dan juga pemimpin-pemimpin negeri kami, khususnya Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak.

Ya Allah, hindarkanlah kami daripada melakukan rasuah dan sifat terkeji yang menyeleweng daripada undang-undang negara. Jauhilah kami dan keturunan kami daripada penyalahgunaan dadah. Jadikanlah kami ummah yang berkualiti, berintegriti serta terbilang demi mencapai negara yang maju dan makmur serta mendapat perlindungan-Mu, ya Allah.

Ya Allah, Ya Dzal Jalali Wal Ikram! pertahankan perpaduan dan kesatuan kami dengan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah dalam seluruh nilai kehidupan kami. Limpahkanlah pada kami nikmat keselamatan, keafiatan serta hindarilah kami daripada segala musibah, wabak penyakit dan dikurniakan kelapangan dan ketenangan hidup.

رَبَّنَا أْتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. أَمِينَ،  
أَمِينَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

عِبَادَ اللَّهِ. إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ. وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ  
الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ. يَعِظُكُم لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ  
يَذْكُرْكُمْ. وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ. وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِيكُمْ. وَلَذِكْرُ  
اللَّهِ أَكْبَرُ. وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ. أَقِيمُوا الصَّلَاةَ.